



**PERUTUSAN
YB DR. XAVIER JAYAKUMAR
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**SEMPENA SAMBUTAN HARI SUNGAI SEDUNIA
PERINGKAT KEBANGSAAN 2018**

30 SEPTEMBER 2018

1. Sungai merupakan salah satu sumber alam semula jadi yang merupakan khazanah yang perlu dipelihara supaya peranan dan fungsinya terus berkekalan dalam kehidupan seharian kita.
2. Kita amat bertuah kerana dikurniakan sebanyak 189 lembangan sungai utama sebagai nadi kehidupan kepada masyarakat untuk menjalankan pelbagai aktiviti harian. Kebergantungan kepada sungai dan persekitarannya masih terus berkekalan, namun disebabkan oleh sikap manusia yang kurang bertanggungjawab, kini kebanyakan sungai di negara kita semakin tercemar. Masyarakat perlu menyedari bahawa sungai merupakan aset yang penting kepada kehidupan dan perlu dihargai serta diurus, dijaga dengan baik bagi mengekalkan kelestarian hidup.
3. Secara langsung ataupun tidak langsung, semua hidupan di bumi ini hidup di sekitar kawasan lembangan sungai. Oleh yang demikian, kita perlu sedar bahawa segala aktiviti yang dilakukan akan memberi kesan kepada kelestarian lembangan sungai yang merupakan sumber air.

4. Bagi memastikan sungai diurus dengan baik dan terpelihara, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu/ *Integrated River Basin Management* (IRBM). Ia merupakan kaedah terbaik yang memerlukan penglibatan semua pihak berkepentingan bagi mencapai objektif iaitu **Memastikan Air Mencukupi, Memastikan Air Bersih, Mengurangkan Risiko Banjir dan Meningkatkan Pemuliharaan Alam Sekitar**.
5. Dengan pelaksanaan IRBM ini, pihak Kementerian berharap agar sungai serta lembangannya dapat dirancang pembangunannya dan diurus dengan baik bagi menjamin keselamatan, kelestarian hidup serta jaminan sumber air untuk pembangunan ekonomi dan warisan generasi akan datang.

Selamat Hari Sungai Sedunia, *Nature For Water*.

**YB. DR. XAVIER JAYAKUMAR
MENTERI AIR TANAH DAN SUMBER ASLI
30 SEPTEMBER 2018.**